

Headline **Hab baja organik**
Date **20. Oct 2008**
Media Title **Harian Metro**
Section **Bisnes**
Circulation **336603**
Readership **2192000**

Language **MALAY**
Page No **31**
Article Size **243** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue **11141.00**



Hab baja organik

BHA bersedia jadi pembekal cacing terbesar di kawasan utara

>> Oleh **Fauzi Rahim Mustafa**
fauzoe@hmetro.com.my

BUMI Hijau Agrofarm (BHA) Enterprise yakin mampu membekalkan benih cacing dan baja organik apabila diiktiraf Jabatan Pertanian Kedah sebagai hab penternakan dan pengeluaran baja untuk kawasan utara.

Beroperasi di Kampung Baru Hutan Gelam, Tikam Batu, dekat Sungai Petani, Kedah, BHA setakat ini sudah memternak sebanyak 400,000 cacing membabitkan tiga jenis iaitu Red Worm, African Night Crawler dan Tiger Worm.

Pengurusnya, Muhammad Saaban, berkata sejak memulakan perusahaan itu awal tahun ini, pihak syarikat sudah membekalkan antara 10 hingga 15 tan baja sebulan dan mensasarkan sehingga 150 tan sebulan mulai awal tahun depan.

"BHA optimis memacu hasil kerana baja organik yang mesra alam kini menjadi pilihan ramai pekebun kecil,



MESRA ALAM ...Muhammad (kanan) dan Hasbulah (dua dari kanan) menunjukkan baja kompos dan cacing yang diternak BHA.

petani dan syarikat swasta berkaitan asas tani bagi menggantikan baja kimia yang memberi kesan sampingan kepada hasil mereka.

"Prospek pasaran dijangka berkembang pesat dua tahun dari sekarang membuatkan syarikat kami yakin dengan permintaannya sekali gus bersedia menjadi pembekal cacing dan baja organik terbesar di kawasan utara," katanya ketika ditemui di Su-

ngai Petani, baru-baru ini.

Muhammad berkata, BHA melabur lebih RM100,000 untuk pembangunan pusat ternakan dan penghasilan baja organik itu termasuk bilik seminar dan kursus kepada bakal usahawan yang berminat.

Katanya, selain baja organik, air basuhan cacing juga berpotensi menjadi penyubur tumbuhan sayuran berdaun dan tanaman hiasan

seperti pokok bunga.

"Ini dibuktikan melalui kajian selidik Pegawai Pemasaran BHA, Hasbulah Abdul Rashid yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan Tani dari Universiti Putra Malaysia," katanya.

Mereka yang berminat menjadi usahawan cacing dan baja organik boleh menghubungi Muhammad menerusi e-mel bumihijau@gmail.com.